

10/09/1998

Baiki diri untuk lahirkan ketua amanah

ALOR STAR, Rabu - Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, berkata semua ahli Umno perlu menjalani proses reformasi diri bagi melahirkan pemimpin yang amanah dan berwibawa.

Katanya, ahli Umno juga perlu melihat diri sendiri dan cuba membaiki diri serta mencari jalan melakukan reformasi diri bagi menjadi ahli berguna kepada parti.

"Setiap ahli perlu berbuat demikian dan mengenal pasti perkara yang memerlukan reformasi.

"Ia perlu supaya apabila menjadi pemimpin mereka akan menjaga amanah dan amalan mereka.

"Selain itu, reformasi diri adalah syarat penting untuk menjadi pemimpin," katanya di sini, hari ini.

Berikutan itu, Sanusi berkata Umno Kedah akan mengadakan khemah kerja untuk menggerakkan reformasi diri membabitkan Pergerakan Pemuda dan Wanita di Tasik Pedu mulai 25 hingga 28 September ini.

Mengenai penerangan kepada ahli Umno Kedah berhubung pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Besar berkata ia tidak perlu kerana lambat laun mereka akan faham mengenainya.

"Tidak perlu penerangan kerana masa akan menjelaskan semua.

"Pada masa ini ada yang sudah faham, sedang memahami dan akan memahaminya tidak lama lagi.

"Kita sepatutnya berdoa kepada Tuhan dan kebenaran akan ditunjukkan," katanya.

Diminta mengulas laporan rakyat Indonesia mengadakan protes di luar Kedutaan Malaysia di Jakarta mendesak peletakan jawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Besar berkata:

"Lebih banyak yang mereka tidak tahu lebih banyak mereka buat bising dan protes...dalam hal ini, mereka tidak tahu mengenai isu di Malaysia tetapi masih mahu mengambil bahagian," katanya.

(END)